

**GARIS PANDUAN  
PELANTIKAN DAN PENILAIAN KOMPETENSI  
JURUAUDIT SKIM PENSIJILAN PROGRAM  
JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN (PJKM)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



Diterbitkan oleh:

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**1 Januari 2018**

## ISI KANDUNGAN

<b>Bil</b>		<b>Muka Surat</b>
1.0.	<b>Pengenalan</b>	2
2.0.	<b>Objektif</b>	2
3.0.	<b>Skop</b>	2
4.0.	<b>Definisi</b>	3
5.0.	<b>Syarat dan Kriteria Pelantikan Juruaudit</b>	5
6.0.	<b>Prosedur Pelantikan Juruaudit Pelatih dan Juruaudit</b>	7
7.0.	<b>Prosedur Pelantikan Ketua Juruaudit</b>	8
8.0.	<b>Tugas dan Tanggungjawab Juruaudit Pelatih GMP dan HACCP</b>	8
9.0.	<b>Tugas dan Tanggungjawab Juruaudit GMP dan HACCP</b>	9
10.0.	<b>Tugas dan Tanggungjawab Ketua Juruaudit</b>	9
11.0.	<b>Penilaian Kompetensi Juruaudit</b>	10
12.0.	<b>Pembatalan Pelantikan Juruaudit</b>	11
13.0.	<b>Permohonan Kursus/ Latihan Juruaudit PJKM</b>	11
14.0.	<b>Kod Etika Juruaudit</b>	12
15.0.	<b>Tatacara Menjalankan Audit</b>	13
16.0	<b>Rujukan:</b>	14
	<b>Penghargaan</b>	15
	<b>Lampiran 1: Borang Permohonan Kursus Juruaudit</b>	16
	<b>Lampiran 2: Borang Penilaian Juruaudit</b>	17
	<b>Lampiran 3: Proses Kerja Pelantikan Juruaudit dan Ketua Juruaudit</b>	19
	<b>Lampiran 4: Proses Kerja Penilaian Kompetensi Juruaudit</b>	20

## 1.0. PENGENALAN

Garis panduan ini memberi penjelasan dan panduan mengenai keperluan pelantikan dan penilaian kompetensi Juruaudit Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). PJKM merupakan satu keperluan bagi industri makanan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 dan garis panduan ini diwujudkan oleh Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), KKM bagi memastikan juruaudit yang menjalankan audit PJKM KKM adalah berpengetahuan, kompeten dan mampu menjalankan audit secara terancang dan sistematik mengikut keperluan yang telah ditetapkan.

## 2.0. OBJEKTIF

- 2.1. Memastikan Juruaudit PJKM KKM dilantik dan penilaian kompetensi dijalankan secara sistematik dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- 2.2. Memberi penerangan dan panduan kepada semua pihak mengenai kaedah pelantikan dan penilaian kompetensi Juruaudit PJKM KKM.
- 2.3. Memperkasakan Skim Pensijilan PJKM KKM dengan memperkukuhkan kompetensi dan kredibiliti Juruaudit PJKM KKM.

## 3.0. SKOP

Garis panduan ini hendaklah digunakan sebagai panduan oleh semua pihak untuk tujuan pelantikan dan penilaian kompetensi Juruaudit PJKM dan **berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018**. Juruaudit PJKM merangkumi juruaudit yang menjalankan audit ke atas Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI), *Good Manufacturing Practices* (GMP), *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP) dan lain-lain PJKM di bawah PKKM.

## 4.0. DEFINISI

### 4.1. Audit

Penilaian berasaskan bukti, yang dilakukan secara bebas dan sistematik, dilakukan oleh juruaudit terlatih, bagi mengenalpasti sama ada aktiviti elemen PJKM dan keputusan yang berkaitan mematuhi perancangan yang disusun, dan sama ada ianya dilaksanakan secara efektif dan bersesuaian dalam mencapai objektif keselamatan makanan.

### 4.2. Audit Pematuhan (*Compliance Audit*)

Aktiviti untuk mendapatkan bukti bahawa elemen PJKM telah dijalankan secara efektif dan berterusan termasuklah audit kecukupan (*adequacy audit*), audit lapangan (*on-site audit*) dan audit susulan (*follow-up audit*). Audit pematuhan dijalankan secara bebas, adil dan secara objektif bertujuan untuk memastikan segala keperluan PJKM dapat dipatuhi sepenuhnya.

### 4.3. Audit Pemantauan (*Surveillance Audit*)

Aktiviti pemeriksaan yang dijalankan oleh juruaudit ke atas premis yang telah memperolehi pensijilan bagi mengesahkan elemen pensijilan PJKM dilaksanakan secara efektif dan berterusan di premis tersebut.

### 4.4. Audit Pembaharuan (*Renewal Audit*)

Aktiviti pemeriksaan yang dijalankan oleh juruaudit di premis yang telah memperolehi pensijilan bagi mengesahkan elemen pensijilan PJKM dilaksanakan secara efektif dan berterusan di premis tersebut bagi tujuan pembaharuan pensijilan.

### 4.5. Ketua Juruaudit/Juruaudit

Individu yang berkebolehan secara teknikal berkenaan sistem PJKM dan audit, khususnya mengenai teknologi atau bidang pemprosesan makanan dan dilantik secara formal oleh PKKM.

### 4.6. Juruaudit Pelatih

Anggota PKKM yang telah menghadiri kursus/latihan Juruaudit PJKM dan masih dalam tempoh pra-persediaan untuk menjadi Juruaudit.

#### 4.7. Penilaian Kompetensi (*Competency Assessment*)

Penilaian yang dijalankan ke atas Juruaudit PJKM oleh Panel Penilai secara penilaian di lapangan atau verifikasi laporan audit.

#### 4.8. Verifikasi

Aktiviti penentusahan yang dilakukan sama ada secara lapangan atau dokumentasi bagi menilai sama ada sesuatu produk, perkhidmatan atau sistem mematuhi peraturan, keperluan, spesifikasi atau syarat yang ditetapkan.

## 5.0. SYARAT DAN KRITERIA PELANTIKAN JURUAUDIT

### 5.1. Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI)

- 5.1.1 Menghadiri kursus MeSTI yang dianjurkan oleh PKKM di peringkat negeri atau agensi-agensi lain yang diiktiraf oleh PKKM.
- 5.2.1 Juruaudit diiktiraf sebagai Juruaudit Pematuhan MeSTI dan layak bertindak samada sebagai Ketua Juruaudit atau Juruaudit audit pematuhan, pembaharuan dan pemantauan Skim Pensijilan MeSTI mengikut keperluan semasa.

### 5.2. Skim Pensijilan *Good Manufacturing Practices* (GMP)

#### 5.2.1 Juruaudit Pelatih

- a) Menghadiri kursus GMP yang dianjurkan oleh PKKM atau agensi-agensi lain yang diiktiraf oleh PKKM.
- b) Lulus peperiksaan yang disyaratkan.
- c) Juruaudit Pelatih diiktiraf sebagai Juruaudit Pematuhan MeSTI dan layak bertindak samada sebagai Ketua Juruaudit atau Juruaudit audit pematuhan, pembaharuan dan pemantauan Skim Pensijilan MeSTI mengikut keperluan semasa.

#### 5.2.2 Juruaudit

- a) Menyertai sekurang-kurangnya satu (1) audit lapangan (sebagai juruaudit pelatih).
- b) Membawa bersama Borang Penilaian Juruaudit PJKM, KKM LPJP/KKM/01 (Pin. 1) semasa audit di lapangan.
- c) Borang Penilaian Juruaudit PJKM, KKM LPJP/KKM/01 (Pin. 1) perlu dinilai oleh Ketua Juruaudit.
- d) Lulus penilaian yang dijalankan oleh Ketua Juruaudit semasa audit lapangan sebagai Juruaudi Pelatih.
- e) Juruaudit diiktiraf sebagai Juruaudit Pematuhan GMP dan layak bertindak samada sebagai Ketua Juruaudit atau Juruaudit audit

pematuhan, pembaharuan dan pemantauan Skim Pensijilan GMP dan MeSTI mengikut keperluan semasa.

### 5.3. *Skim Pensijilan Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)*

#### 5.3.1 Juruaudit Pelatih

- a) Menghadiri kursus HACCP yang dianjurkan oleh PKKM atau gensi-agensi lain yang diiktiraf oleh PKKM.
- b) Lulus peperiksaan yang disyaratkan.
- c) Juruaudit Pelatih diiktiraf sebagai Juruaudit Pematuhan MeSTI dan layak bertindak samada sebagai Ketua Juruaudit atau Juruaudit audit pematuhan, pembaharuan dan pemantauan Skim Pensijilan MeSTI mengikut keperluan semasa.

#### 5.3.2 Juruaudit

- a) Menyertai sekurang-kurangnya satu (1) audit lapangan (sebagai juruaudit pelatih).
- b) Membawa bersama Borang Penilaian Juruaudit PJKM, KKM LPJP/KKM/01 (Pin. 1) semasa audit di lapangan.
- c) Borang Penilaian Juruaudit PJKM, KKM LPJP/KKM/01 (Pin. 1) perlu dinilai oleh Ketua Juruaudit.
- d) Lulus penilaian yang dijalankan oleh Ketua Juruaudit semasa audit lapangan sebagai Juruaudi Pelatih.
- e) Juruaudit HACCP diiktiraf sebagai Juruaudit Pematuhan HACCP dan layak menjalankan audit pematuhan, pembaharuan dan pemantauan Skim Pensijilan HACCP dan juga bertindak sebagai Ketua Juruaudit atau Juruaudit Skim Pensijilan GMP dan MeSTI mengikut keperluan semasa.

### 5.3.3 Ketua Juruaudit

- a) Menyertai sekurang-kurangnya lima (5) audit pematuhan.
- b) Menghadiri Program Penilaian Kompetensi Ketua Juruaudit yang dianjurkan oleh PKKM atau agensi-agensi lain yang diiktiraf oleh PKKM.
- c) Mencapai prestasi yang memuaskan dalam Program Penilaian Kompetensi Ketua Juruaudit.
- d) Mengemukakan Buku Log Juruaudit yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan.
- e) Ketua Juruaudit diiktiraf sebagai Ketua Juruaudit Pematuhan HACCP dan layak mengetuai pasukan audit Pematuhan, Pembaharuan dan pemantauan Skim Pensijilan HACCP KKM serta bertindak sebagai Ketua juruaudit Skim Pensijilan MeSTI dan GMP mengikut keperluan semasa.

## 6.0. PROSEDUR PELANTIKAN JURUAUDIT

### 6.1. Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI)

- 6.1.1 Urusan pelantikan Juruaudit diuruskan mengikut keperluan dan kesesuaian di peringkat negeri.
- 6.1.2 Pihak negeri mengemaskini pengkalan data dan memaklumkan kepada Seksyen Pembangunan Juruaudit ibu pejabat PKKM.

### 6.2. Skim Pensijilan *Good Manufacturing Practices* (GMP) dan *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP)

- 6.2.1 Mengenalpasti Juruaudit Pelatih/ Juruaudit.
- 6.2.2 Juruaudit Pelatih perlu memenuhi syarat dan kriteria seperti di Para 5 bagi pelantikan sebagai Juruaudit GMP atau HACCP.
- 6.2.3 Menyediakan sijil dan surat iringan pengiktirafan pelantikan.
- 6.2.4 Diperakukan oleh Pengarah Kanan PKKM atau wakilnya.



6.2.5 Mengeluarkan sijil dan surat iringan pengiktirafan pelantikan.

6.2.6 Juruaudit yang dilantik direkodkan di dalam pangkalan data Juruaudit.

## **7.0. PROSEDUR PELANTIKAN KETUA JURUAUDIT**

7.1. Mengenalpasti Juruaudit.

7.2. Menghadiri Program Penilaian Kompetensi Ketua Juruaudit yang dianjurkan oleh PKKM atau agensi-agensi lain yang diiktiraf oleh PKKM dan mencapai tahap prestasi yang memuaskan.

7.3. Diperakukan oleh Pengarah Kanan PKKM atau wakilnya.

7.4. Mengeluarkan sijil pengiktirafan pelantikan Ketua Juruaudit.

7.5. Ketua Juruaudit yang dilantik direkodkan di dalam pangkalan data Juruaudit.

7.6. Proses kerja Pelantikan Ketua Juruaudit Pematuhan rujuk **Lampiran 3**.

## **8.0. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT PELATIH GMP DAN HACCP**

8.1. Menghubungi Ketua Juruaudit setelah surat menyertai audit diterima dari Seksyen Pensijilan ibu pejabat PKKM.

8.2. Menyertai audit lapangan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh Ketua Juruaudit.

8.3. Mengikut arahan Ketua Juruaudit dan Juruaudit semasa menyertai audit lapangan.

8.4. Membaca, memahami dan mematuhi etika Juruaudit PJKM KKM.

8.5. Meneliti dan memahami semua jenis senarai semak dan borang yang digunakan bagi menjalankan audit PJKM KKM.

8.6. Mengemukakan Borang Penilaian Juruaudit PJKM, KKM LPJP/KKM/01 (Pin. 1) kepada Ketua Juruaudit bagi tujuan penilaian sebelum atau semasa audit lapangan.

## **9.0. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT GMP DAN HACCP**

- 9.1. Menghubungi Ketua Juruaudit setelah surat lantikan bagi menjalankan audit diterima dari Seksyen Pensijilan ibu pejabat PKKM bagi tujuan menjalankan audit kecukupan (*adequacy audit*), penetapan tarikh audit lapangan dan lain-lain perkara yang berkaitan.
- 9.2. Memberikan kerjasama dan mengikut arahan Ketua Juruaudit.
- 9.3. Membantu Ketua Juruaudit melatih Juruaudit Pelatih (jika berkenaan).
- 9.4. Menyediakan laporan audit kecukupan dan kemukakan kepada Ketua Juruaudit untuk semakan.
- 9.5. Menyediakan semua dokumen berkaitan (senarai semak audit, senarai kehadiran, borang rekod, maklumat sijil HACCP dan ringkasan laporan akhir).
- 9.6. Membantu Ketua Juruaudit semasa mesyuarat pembukaan dan penutup.
- 9.7. Menyediakan deraf ketidakpatuhan yang ditemui semasa audit lapangan.

## **10.0. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA JURUAUDIT**

- 10.1. Bertanggungjawab merancang, mengurus dan melaksanakan audit seperti yang telah ditetapkan.
- 10.2. Menghubungi pihak syarikat untuk menetapkan tarikh audit dan mengeluarkan surat.
- 10.3. Mengetuai audit mengikut agenda.
- 10.4. Berbincang dengan pasukan audit mengenai ketidakpatuhan yang akan dikeluarkan.
- 10.5. Memainkan peranan utama dalam melatih Juruaudit Pelatih mengenai teknik dan kaedah pengauditan serta penggunaan senarai semak dan borang-borang berkaitan.
- 10.6. Menjalankan penilaian ke atas Juruaudit Pelatih dengan menggunakan Borang Penilaian Juruaudit PJKM, KKM LPJP/KKM/01 (Pin. 1) dan kemukakan ke Seksyen Pembangunan Juruaudit ibu pejabat PKKM borang penilaian yang telah

lengkap diisi dalam tempoh masa tidak lebih dari 2 minggu dari tarikh audit lapangan dijalankan.

- 10.7. Boleh mengarahkan Juruaudit atau Juruaudit Pelatih untuk menjalankan mesyuarat pembukaan atau mesyuarat penutupan atau sebahagian daripadanya.
- 10.8. Bertanggungjawab membimbing Juruaudit dan Juruaudit Pelatih menentukan klasifikasi kategori ketidakpatuhan.
- 10.9. Menyediakan laporan akhir mengikut piagam pelanggan yang telah ditetapkan.
- 10.10. Bertanggungjawab memberi penjelasan dan mengemukakan sebarang dokumen yang diperlukan oleh Jawatankuasa Pensijilan HACCP dan GMP KKM (sekiranya perlu).

#### **11.0. PENILAIAN KOMPETENSI JURUAUDIT**

- 11.1. Juruaudit Skim Pensijilan PJKM KKM boleh dibuat penilaian kompetensi berdasarkan:
  - a) Kekerapan sekali dalam tempoh lima (5) tahun selepas tarikh lantikan atau tarikh terakhir penilaian kompetensi dijalankan atau mengikut keperluan dari masa ke masa.
  - b) Aduan berkaitan aspek teknikal dan kompetensi.
  - c) Tidak menjalankan apa-apa audit melebihi tiga (3) tahun berturut-turut tanpa sebab yang munasabah.
- 11.2. Penilaian kompetensi Juruaudit boleh dijalankan secara verifikasi audit lapangan atau melalui laporan audit yang disediakan oleh Juruaudit atau kedua-duanya.
- 11.3. Bagi verifikasi audit lapangan, Juruaudit perlu menjalankan audit lapangan dan seorang Pegawai Penilai yang dilantik akan turut serta semasa audit dijalankan untuk menilai prestasi Juruaudit tersebut.
- 11.4. Penilaian Kompetensi Juruaudit akan dijalankan menggunakan Borang Penilaian Juruaudit PJKM, KKM: LPJP/KKM/01(Pin.1).
- 11.5. Laporan penilaian kompetensi Juruaudit perlu dikemukakan oleh Pegawai Penilai kepada PKKM dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

- 11.6. Penilaian kompetensi Juruaudit akan diteliti di peringkat ibu pejabat PKKM dan juruaudit yang tidak mencapai tahap prestasi yang ditentukan akan diminta untuk menyertai semula latihan GMP/HACCP atau tertakluk kepada lain-lain syarat yang akan ditetapkan oleh ibu pejabat PKKM mengikut keperluan semasa.
- 11.7. Carta alir Penilaian kompetensi rujuk **Lampiran 4**.

## 12.0. PEMBATALAN PELANTIKAN JURUAUDIT

- 12.1. Juruaudit Skim Pensijilan PJKM KKM boleh dibatalkan pelantikan berdasarkan:
- a) Telah menamatkan perkhidmatan, bersara wajib atau tidak lagi berkhidmat dengan KKM atau;
  - b) Didapati tidak mematuhi Kod Etika Juruaudit semasa menjalankan audit tanpa sebab yang munasabah atau;
  - c) Tidak mencapai tahap prestasi yang memuaskan dalam Penilaian Kompetensi Juruaudit PJKM KKM secara berterusan atau;
  - d) Telah dikenakan tindakan tatatertib.
- 12.2. Pembatalan pelantikan diperakukan oleh Pengarah Kanan PKKM atau wakilnya.
- 12.3. Surat makluman pembatalan pelantikan akan diedarkan kepada Juruaudit yang berkenaan.

## 13.0. PERMOHONAN KURSUS/ LATIHAN JURUAUDIT PJKM

- 13.1. Kursus/ latihan yang dianjurkan oleh pihak ibu pejabat PKKM boleh dimohon dengan menggunakan Borang Permohonan Kursus Juruaudit PJKM rujuk **Lampiran 1** atau diperoleh daripada laman web rasmi PKKM, <http://fsq.moh.gov.my>.
- 13.2. Anggota PKKM yang berminat untuk menjadi Juruaudit PJKM juga boleh menyertai kursus/ latihan Juruaudit PJKM yang ditawarkan oleh mana-mana agensi lain yang diiktiraf oleh PKKM.

## 14.0. KOD ETIKA JURUAUDIT

Juruaudit hendaklah mematuhi kod etika berikut:

- 14.1 Bertindak secara profesional, tepat dan adil.
- 14.2 Berpenampilan kemas dan bersesuaian dengan pelaksanaan audit.
- 14.3 Tidak menimbulkan konflik atau berkepentingan dengan mana-mana pihak yang diaudit.
- 14.4 Merahsiakan maklumat yang diperolehi daripada pengauditan.
- 14.5 Dilarang menerima ganjaran, komisen, pemberian atau sebarang bentuk faedah daripada pihak yang diaudit atau pihak yang berkepentingan.
- 14.6 Tidak memberikan maklumat yang salah atau tidak tepat yang boleh menggugat integriti audit dan proses pensijilan pihak yang diaudit.
- 14.7 Tidak bertindak dengan apa cara sekalipun yang boleh secara prejudis menjejaskan reputasi KKM.
- 14.8 Memperolehi bukti berasaskan objektif dan menilai secara adil.
- 14.9 Mengekalkan tujuan pengauditan tanpa rasa takut atau dipengaruhi.
- 14.10 Menjalankan proses pengauditan tanpa terpengaruh dengan gangguan semasa audit.
- 14.11 Bertindak secara bijak jika terdapat situasi yang tertekan.
- 14.12 Kesimpulan dari audit yang dijalankan perlu benar dan bukan berniat untuk mendesak kepada sesuatu perubahan tanpa asas yang kukuh.
- 14.13 Pembatalan audit di saat akhir adalah tidak digalakkan. Walau bagaimanapun, jika perkara ini berlaku juruaudit perlu menghubungi dan memaklumkan Ketua Juruaudit. Dalam keadaan seumpama ini, Ketua Juruaudit perlu menghubungi pihak syarikat untuk perubahan tarikh atau menghubungi Seksyen Pensijilan ibu pejabat PKKM untuk mendapatkan juruaudit pengganti.

## 15.0. TATACARA MENJALANKAN AUDIT

- 15.1. Audit perlu dijalankan mengikut tatacara seperti yang termaktub dalam Manual Prosedur Kerja (MPK) Skim Pensijilan HACCP dan GMP.
- 15.2. Dengan penerbitan Garis Panduan Pelantikan dan Penilaian Kompetensi Juruaudit Skim Pensijilan Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) Kementerian Kesihatan Malaysia ini, **Malaysian Certification Scheme 2 (MCS 2), Malaysian Certification Scheme 3 (MCS3), Malaysian Certification Scheme 4 (MCS 4) dan Garis Panduan Pelantikan Juruaudit GMP yang digunakan sebelum ini adalah terbatal.**

## **RUJUKAN:**

Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan peraturan-peraturan, 2017.

*Food Hygiene Basic Texts, 4th edition Codex Alimentarius. (2009).*

*Guidance on Regulatory Assessment of HACCP Report of a Joint FAO/WHO Consultation on the Role of Government Agencies in Assessing HACCP, Geneva (1998).*

Garis panduan Amalan Pengilangan Yang Baik, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia .

*Malaysian Standard MS 1514:2009. Good Manufacturing Practice (GMP) For Food (First Revision). Department of Standards Malaysia. (2009).*

*Malaysian Standard MS 1480:2007. Food Safety According to Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) System. Department of Standards Malaysia. (2007).*

*Malaysian Certification Scheme for Hazard Analysis and Critical Control Point, MCS 1/Rev1 (2016).*

Skim Pensijilan GMP, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

## **PENGHARGAAN**

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengucapkan setinggi tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai berikut yang telah memberi sumbangan dalam penyediaan garis panduan ini.

### **Penaung:**

Pn. Noraini Binti Dato' Mohd Othman

### **Penasihat:**

En. Mohd Salim Bin Dulatti

Pn. Sharizat Binti Ahmad

### **Ketua:**

En. S Govindasamy A/L G Subramaniam

### **Ahli:**

Cik Rosnah Binti Mohammad

En. Hermy Bin Mohd Yeet

Pn. Zaini Binti Abdul Rahman

Pn. Rokiah Binti Mehad

Pn. Linza Binti Md Yassin

Pn. Mas Imelia Binti Hj Mohd Khalid

En. Shanmugam a/l Supramaniam

En. Muhammad Muhayudeen Bin Musa

Pn. Hasniza Binti Hassan

En. Mohd Yusma Anuar Bin Mohd

En. Mohamad Shahir Bin Jaafar

En. Asri Bin Hashim

En. Kamal Bin Karim

En. Muhammad Anwar Bin Mohd Nor

En. Muhammad Rafidi Bin Ramli

En. Wan Mohd Nazri Bin Wan Mohd Izzudin

Pn. Rodiyah Binti Mohamed

Pn. Khairatun Hisan Binti Ismail



Lampiran 1

**BORANG PERMOHONAN KURSUS JURUAUDIT  
SKIM PENSIJILAN PROGRAM JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**Kursus yang dipohon:** .....

1. Nama : .....

2. No K/P : .....

3. Jantina  Lelaki  Perempuan

4. Jawatan dan Gred : .....

5. Tarikh Lantikan : .....

6. Alamat Tempat Bertugas: .....

7. No. Telefon Pejabat : .....

8. No. Telefon Bimbit : .....

9. Email : .....

.....  
(Tandatangan Pemohon)

Tarikh:

(COP JAWATAN)

---

**PERAKUAN KETUA JABATAN:**

Permohonan pegawai ini untuk menghadiri Kursus Juruaudit PJKM seperti di atas  
DISOKONG/ TIDAK DISOKONG\*

.....  
(Tandatangan)

Tarikh:

(COP JAWATAN)

Nota: \*Sila potong yang tidak berkenaan

## Lampiran 2

Borang LPJP/ KKM/01 (Pin. 1)

**PENILAIAN JURUAUDIT PROGRAM JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Nama Pegawai yang dinilai:	Nama Pegawai Penilai:
Nama dan Alamat Syarikat yang di audit:	Tarikh audit dijalankan:
	*Jenis audit: <b>HACCP / GMP Pematuhan / Pembaharuan / Pemantauan</b>
	*Jenis penilaian dijalankan: <b>Penilaian Juruaudit Pelatih/ Penilaian Kompetensi / Lain-lain (Nyatakan:.....)</b>
	*potong mana tidak berkenan

**KRITERIA PENILAIAN :**

Petunjuk:

<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Cemerlang

No.	Skop Penilaian	Sila nyatakan skor (Bulatkan mana yang berkenaan)				
		1	2	3	4	5
1.	Keupayaan untuk menilai elemen jaminan keselamatan makanan	1	2	3	4	5
2.	Pengetahuan berkaitan standard dan keperluan teknikal dalam skop pengauditan	1	2	3	4	5
3.	Berupaya untuk menjalankan mesyuarat pembukaan	1	2	3	4	5
4.	Keupayaan untuk menentusahkan rekod dan dokumen dilapangan	1	2	3	4	5
5.	Berupaya untuk menilai keupayaan makmal (jika berkaitan)	1	2	3	4	5
6.	Kemahiran mengajukan soalan berkaitan audit dan membuat rumusan	1	2	3	4	5
7.	Berupaya untuk bertindak dalam keadaan yang di luar jangkaan.	1	2	3	4	5

No.	Skop Penilaian	Sila nyatakan skor (Bulatkan mana yang berkenaan)				
8.	Keupayaan untuk berkomunikasi secara berkesan dengan juruaudit dan memimpin pasukan audit	1	2	3	4	5
9.	Keupayaan untuk mengwujudkan ketidakpatuhan berdasarkan bukti objektif	1	2	3	4	5
10.	Berupaya menjelaskan laporan ketidakpatuhan dalam Arahan Tindakan Pembetulan (CARs)	1	2	3	4	5
11.	Keupayaan untuk mempertahankan Arahan Tindakan Pembetulan (CARs) yang dikeluarkan	1	2	3	4	5
12.	Kebolehan mengendalikan mesyuarat penutup, pembentangan arahan tindakan pembetulan dan rumusan audit	1	2	3	4	5
13.	Keupayaan untuk berinteraksi dengan pihak auditee	1	2	3	4	5
14.	Perancangan keseluruhan untuk menjalankan audit	1	2	3	4	5
15.	Kebolehan untuk membuat laporan audit	1	2	3	4	5
16.	Berkeyakinan menjalankan audit	1	2	3	4	5

**PERAKUAN PEGAWAI PENILAI:**

Disokong\*

Tidak disokong\*

(Nota: \*Sila tandakan X pada petak yang berkaitan)

Beri ulasan jika tidak disokong: .....

.....

Cadangan (jika ada): .....

.....

.....


(Tandatangan)

Tarikh:

(COP JAWATAN)


Lampiran 3

**PROSES KERJA PELANTIKAN JURUAUDIT/ KETUA JURUAUDIT  
SKIM PENSIJILAN PROGRAM JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN**



Lampiran 4

PROSES KERJA PENILAIAN KOMPETENSI JURUAUDIT





**KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA**

Diterbitkan oleh  
**Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia**



[fsq.moh.gov.my](http://fsq.moh.gov.my)

**PKKM/BK/2018/01**



**BKKMHQ**